



# Haji Rusli Bin Haji Abd. Hamid

**Pihak** sidang redaksi MyKUKUM berasa bertuah kerana pada keluaran kali ini dapat bersama dengan Tuan Haji Rusli Haji Abd. Hamid iaitu Pendaftar KUKUM yang baru dilantik pada 1 Julai 2004 yang lalu. Walaupun masih baru, beliau terkenal sebagai seorang yang mesra tetapi tegas dalam menjalankan tugas. Sikapnya ini membuatnya beliau mudah didekati oleh semua staf dan pelajar. Anak kelahiran Kampung Padang Perahu, Kedah ini merupakan anak kedua dan juga lelaki tunggal daripada 5 adik beradik kepada pasangan pesara Guru Besar dan suri rumah sepenuh masa. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah-sekolah sekitar Kedah kerana mengikuti keluarganya berpindah iaitu bermula dari Sek. Keb. Alor Janggus, Sek. Keb. Bukit Selambau, Sek. Ingeris Kuala Ketil dan seterusnya di Sek. Men. Ibrahim, Sungai Petani sehingga tamat tingkatan 5.

Sebagai seorang yang menjadi harapan keluarga, beliau telah mendapat galakan yang penuh dari keluarga untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Beliau telah menyambung pelajaran ke Politeknik Ungku Omar, Ipoh di dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal (Pengeluaran) sebelum ditawarkan bekerja di Jabatan Kerja Raya sebagai Juruteknik Jentera. Di atas minat yang mendalam untuk menuntut ilmu, beliau meneruskan lagi pelajaran dalam bidang Sains Kajihayat di Universiti Sains Malaysia. Sebaik sahaja tamat pengajian dan bekerja semula di Jabatan Kerja Raya, beliau telah bertemu jodoh dengan wanita idaman hati iaitu Puan Che Jahara S.A. Kareem pada usia 28 tahun.

Seterusnya, di atas kelayakan yang dimiliki, beliau telah ditawarkan untuk bertugas di Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

sebagai Ahli Kajihayat sebelum mengambil Kursus Diploma Pengurusan Awam di INTAN. Perjalanan kerjaya beliau berkembang lagi apabila diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang dan kemudian di Kementerian Perusahaan Utama atau kini dikenali sebagai Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Setelah beberapa tahun bertugas, sekali lagi beliau menyambung pelajaran dalam bidang Pentadbiran Perniagaan peringkat Sarjana di Universiti Kebangsaan Malaysia. Berbekalkan pengalaman yang luas di dalam pelbagai bidang khususnya pentadbiran, beliau akhirnya telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan juga merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Perlis dari September 2000 hingga Jun 2004 sebelum dipinjamkan ke Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia sebagai Pendaftar.

Bapa kepada 3 orang anak ini mempunyai hobi yang agak menarik iaitu menyanyi dan mendengar muzik, bermain golf serta melancong. Antara negara yang pernah beliau lawati adalah Kanada, Jepun, Korea, Mesir, Lubnan, Thailand dan Russia. Walaupun mengetuai sebuah jabatan, beliau amat berpegang teguh kepada prinsip tidak suka menyusahkan orang lain. Selaku peneraju Jabatan Pendaftar, beliau berazam untuk memberi perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berkualiti kepada semua pelanggan melalui peningkatan ilmu di kalangan staf dari masa ke semasa. Buat pengetahuan semua, beliau menaruh harapan tinggi untuk melihat KUKUM menjadi sebuah institusi yang berkualiti, terbilang dan mencapai tahap universiti bertaraf dunia dalam bidang kejuruteraan khususnya elektronik.